

07/07/1999

Orang ramai dibenar lawat tempat menarik di Putrajaya

PUTRAJAYA, Selasa - Mulai hari ini, orang ramai dan pelancong dibenar melawat tiga tempat menarik di sekitar pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan di sini, yang menempatkan kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Antara tempat yang boleh dilawati ialah Taman Wetland yang membabitkan kawasan seluas 160 hektar, projek pertama disiapkan di Putrajaya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, ketika mengumumkan keputusan itu berkata, orang ramai juga boleh melawat Masjid Putra dan Dataran Putra.

"Masjid Putra yang siap dibina dan boleh dimanfaatkan untuk beribadat dapat menampung jemaah sehingga 10,000 orang.

"Dataran Putra pula meliputi kawasan seluas 10.5 hektar terletak di antara masjid dan Pejabat Perdana Menteri," katanya dalam sidang akhbar selepas menandatangani kontrak Perkhidmatan Perolehan Elektronik dengan Commerce Dot Com Sdn Bhd (Dot Com), di sini.

Pada majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, Abdul Halim dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Othman Rijal, menandatangani kontrak itu bagi pihak kerajaan.

Dot Com pula diwakili Pengerusinya, Datuk Syed Abdul Jabbar Shahabudin dan Pengerusi NTT Data Corporation Japan, Tomeo Kambayashi.

Menurut Abdul Halim, pelawat boleh melihat dengan lebih dekat kawasan tasik dan pemandangan kehijauan yang meliputi 70 peratus kawasan Putrajaya dari dataran itu.

Katanya, Persiaran Persekutuan dan Persiaran Perdana juga dibuka kepada orang ramai, yang boleh dimasuki melalui Pintu Dua dari Jalan Kajang-Puchong.

"Pelawat boleh memandu kenderaan sendiri atau menggunakan kenderaan disediakan oleh Perbadanan Putrajaya untuk melihat dan menikmati suasana pembangunan di Putrajaya.

"Perbadanan ini menyediakan bas sepanjang bulan ini secara percuma kepada pelawat," katanya.

Bagaimanapun, mulai Ogos depan orang ramai dikenakan bayaran RM1 seorang untuk menggunakan bas yang disediakan setiap dua jam, bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

Selain melawat tiga tempat menarik itu, orang ramai boleh melihat senibina kompleks JPM yang menempatkan 850 kakitangan, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Putrajaya yang dirancang menjadi bandar taman bestari meliputi kawasan seluas 4,581 hektar dan terletak 25 kilometer dari Kuala Lumpur dan berdekatan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang turut menempatkan Cyberjaya, bandar raya pintar pertama di dunia.

Sebagai sebuah bandar raya dalam taman yang mana 70 peratus daripada 4,400 hektar kawasan yang dirancang meliputi pepohon hijau, keindahan taman bunga, kawasan rekreasi, taman air, tasik dan tanah berpayau.

Pembangunan kawasan ini turut membabitkan kawasan hijau dan tasik seluas 600 hektar bagi mempertingkatkan imejnya sebagai bandar raya dalam taman, di samping memperlihatkan kepada dunia hasrat dan pencapaian negara mengharungi cabaran teknologi abad ke-21.

JPM dan kediaman rasmi Perdana Menteri dibina dalam fasa pertama yang membabitkan kawasan seluas 1,527 hektar.

Pusat pentadbiran baru kerajaan bernilai RM20 bilion mengandungi 20

kawasan untuk bangunan kerajaan membabitkan kawasan seluas 239 hektar, komersil (130 hektar), perumahan (1,155 hektar), kemudahan awam (441 hektar), sivik dan kebudayaan (10 hektar), kemudahan prasarana (849 hektar) dan selebihnya kawasan terbuka.

Fasa pertama pembangunan Putrajaya membabitkan peruntukan keseluruhan RM4 bilion, manakala fasa kedua bermula tahun 2000, membabitkan kos kira-kira RM16 bilion bagi tempoh 10 tahun.

(END)